



Pembinaan kerangka konstruk kelestarian bandar warisan di Malaysia

Mohamad Khairul Anuar Ghazali, Yazid Saleh & Hanifah Mahat

Jabatan Geografi dan Alam Sekitar
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Correspondence: Mohamad Khairul Anuar Ghazali (email: kaiy22khairul@gmail.com)

Received: 05 October 2020; Accepted: 15 December 2020; Published: 27 February 2021

Abstrak

Sustainable Development Goals (SDGs) telah menggariskan tentang keperluan terhadap pembangunan bandar warisan lestari dalam usaha mencapai Agenda 2030. Pelbagai inisiatif dilakukan untuk mencapai kehendak tersebut salah satunya ialah mengukur tahap kelestarian bandar seperti mana yang dilakukan oleh MurniNet 2.0 tetapi terdapat sedikit kelompongan yang berlaku. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk menyediakan satu kerangka pembinaan konstruk kelestarian bandar warisan yang lengkap dengan memperkenalkan dua konstruk baharu iaitu warisan budaya, peranan kerajaan dan komuniti sebagai rujukan pengukuran kelestarian di Malaysia. Konstruk kelestarian ini dibina untuk persediaan pembinaan set petunjuk dan indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia. Kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen empirikal digunakan untuk membina konstruk ini. Hasilnya terdapat lima (5) konstruk yang dikenalpasti dimana tiga (3) daripadanya merupakan konstruk yang telah diperkenalkan oleh Brundland Report 1987 dan diguna secara meluas di Malaysia iaitu (1) kemakmuran ekonomi, (2) kesejahteraan sosial, dan (3) kesejahteraan alam sekitar. Manakala pengenalan kepada konstruk keempat (4) dan kelima (5) dilakukan iaitu warisan budaya serta peranan kerajaan dan komuniti yang belum digunakan di Malaysia. Konstruk-konstruk ini merupakan asas dan pemboleh ubah untuk pengukuran kelestarian bandar warisan di Malaysia. Implikasi daripada kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji dan pihak berkuasa pada masa hadapan untuk membina set petunjuk kelestarian yang merangkumi semua elemen kelestarian sebagai instrumen pengumpulan data dan maklumat berkaitan dengan tahap kelestarian bandar warisan.

Kata Kunci: Bandar warisan, kerangka konstruk, Malaysia, mampan, pembangunan, warisan budaya

Design of a sustainability construct framework for heritage city in Malaysia

Abstract

Sustainable Development Goals (SDGs) have outlined the need for sustainable heritage urban development in an effort to achieve the 2030 Agenda. Therefore, the purpose of this article is to provide a complete framework for the construction of heritage sustainability constructs by introducing two new constructs, namely cultural heritage, the role of government and community as a reference for sustainability measurement in Malaysia. This sustainability construct was built to prepare for the construction of a set of indicators and index of heritage of urban heritage in Malaysia. Qualitative method i.e. empirical document analysis method is used to construct this construct. As a results there are five (5) constructs identified where three (3) of them are constructs that were introduced by Brundland Report 1987 and are widely used in Malaysia namely (1) economic prosperity, (2) social well-being, and (3) environmental well-being. While the introduction to the fourth (4) and fifth (5) constructs is done, namely cultural heritage as well as the role of government and community that have not been used in Malaysia. These constructs are the basis and variables for measuring the sustainability of heritage cities in Malaysia. Implications from this study can be used as a reference for future researchers and authorities to build a set of sustainability indicators that include all elements of sustainability as an instrument of data collection and information related to the level of sustainability of heritage cities.

Keywords: Heritage city, construct framework, Malaysia, sustainable, development, cultural heritage

Pengenalan

Pembangunan lestari telah menjadi agenda utama setiap negara di seluruh dunia dalam mendepani cabaran masa hadapan. Ideologi pembangunan lestari yang berkisarkan tentang ekonomi, sosial dan alam sekitar telah digunapakai secara meluas dalam semua jenis aktiviti pembangunan (Brundtland, 1987). Hal ini kerana, konsep pembangunan lestari merupakan pembangunan yang dilakukan pada masa kini untuk kepentingan generasi sekarang tanpa meminggirkan hak generasi akan datang. Kombinasi antara kepentingan generasi sekarang dan generasi akan datang terhadap sumber ekonomi, sosial dan alam sekitar sangat ideal kerana tiada pihak yang akan terpinggir dalam mengecapi akses kepada kehidupan yang sempurna. Aktiviti perladangan, perdagangan, perindustrian, perkhidmatan, dan lain-lain termasuklah aktiviti perbandaran dalam konteks warisan telah menitik beratkan tentang kelestarian.

Walaupun banyak sarjana mengatakan bahawa bandar lestari merupakan sesuatu yang mustahil untuk dicapai kerana kedinamikannya yang sentiasa berubah-ubah (Chamhuri, Rospidah, & Sharina, 2014; Choon et al., 2014; Peterson, Sham Sani, & Nordin, 1999). Namun, usaha untuk menuju kearah pembangunan bandar lestari adalah suatu langkah yang paling baik dan dituntut sama ada di peringkat global atau domestik. Penekanan terhadap pembangunan bandar lestari dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) melalui Matlamat ke-11 iaitu pembentukan bandar dan komuniti lestari sangat dituntut kerana bandar merupakan pusat utama kepada kegiatan manusia (UNDP, 2019). Menjadikan kawasan bandar inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari

untuk komuniti adalah agenda utama matlamat ke-11 SDGs. Hal ini kerana, sehingga tahun 2018 sebanyak 55 peratus daripada populasi penduduk dunia tinggal di kawasan bandar termasuklah bandar warisan (UNDP, 2019) dan menjelang tahun 2050, 2 daripada 3 orang manusia akan tinggal di bandar (Jacqueline & Danielle, 2017). Oleh itu, penyediaan kepada bandar yang lestari dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar sangat penting untuk mendepani gelombang pertumbuhan populasi bandar.

Menyedari hakikat itu, rata-rata negara seluruh dunia telah berlumba-lumba dalam pembentukan bandar lestari untuk kemakmuran bersama. Lantas, pelbagai inisiatif telah dibentuk untuk mengukur tahap kelestarian bandar di kawasan masing-masing oleh kerajaan tempatan atau institusi antarabangsa. Pengukuran bandar lestari dibuat untuk melihat unjuran kelestarian secara berskala dan berindeks. Pelbagai set petunjuk bandar lestari diperkenalkan di serata dunia. Antaranya ialah Indikator Pembangunan Lestari I (United Nations Human Settlements Programme, 2009), Petunjuk Bandar Global Pangkalan Data I, II dan III (CHS, 2004), City Data Book (ADB, 2001), European Green Capital Award (European Green Capital Award, 2017), Petunjuk Pembangunan Lestari London (London Sustainable Development Commission, 2004), dan Indeks Pembangunan Lestari Thailand (ESCAP, 2007). Manakala bandar-bandar di Malaysia pula diukur menggunakan set Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MurniNet 2.0) (Kementerian Wilayah Persekutuan, 2020).

Set petunjuk pengukuran bandar lestari (MurniNet 2.0) digunakan untuk semua jenis bandar termasuk bandar-bandar pintar dan bandar warisan di Malaysia adalah tidak merangkumi semua elemen. MurniNet 2.0 tidak menjadikan elemen warisan budaya dan peranan kerajaan serta komuniti sebagai konstruk utama tetapi hanya sebagai sampingan sahaja. Masih belum ada set petunjuk yang dibina mengambil kira aspek kelestarian elemen warisan budaya secara holistik di Malaysia. Selain itu, pembentukan konstruk yang memberi cerminan kepada persekitaran setempat, geografi dan gaya hidup masyarakat perlu dilaksanakan di Malaysia. Hal ini kerana, menurut Wiktor-Mach, (2019), petunjuk kelestarian tidak boleh sama dengan negara lain kerana persekitaran geografinya adalah berbeza. Unsur warisan merupakan entiti yang penting dalam pembangunan dan pengurusan bandar warisan. Di Malaysia sahaja terdapat 162 buah bandar yang dibangunkan sebelum Perang Dunia ke-2 (WW2) dan dikelaskan sebagai bandar warisan kerana unsur-unsur unik yang hanya terdapat di bandar tersebut. Kepentingan warisan dalam pembangunan bandar telah ditekankan oleh Ketua Pengarah UNESCO sewaktu perbentangan Strategi Jangka Sederhana 2014-2021 dan bekas setiausaha PBB iaitu Sir Ban Ki-Moon mengatakan banyak kegagalan yang berlaku dalam pembangunan bandar lestari ialah kerana meminggirkan warisan budaya (Wiktor-Mach, 2019). Ini memberi isyarat bahawa warisan budaya sangat penting untuk diambil kira dalam pembentukan bandar yang lestari. Langkah pertama yang perlu diambil ialah dengan mengenalpasti apakah konstruk yang utama dalam pembangunan bandar warisan lestari. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membentuk kerangka konstruk bagi tujuan pengukuran kelestarian bandar warisan di Malaysia.


Justifikasi keperluan pembinaan kerangka konstruk kelestarian

Pembinaan kerangka konstruk kelestarian sangat diperlukan untuk digunakan sebagai pemboleh ubah pengukuran kepada bandar warisan di seluruh Malaysia. Set pengukuran yang khas diperlukan kerana mengambil kira jumlah bandar warisan yang banyak dan kelainan elemen yang terdapat di bandar tersebut. Setiap bangunan yang menjadi rupa bentuk bandar warisan dan budaya

yang menjadi gaya hidup komuniti adalah tidak sama dengan bandar-bandar lain di seluruh dunia. Rupa bentuk bandar warisan dan budaya ini perlu penjagaan dan penilaian yang khusus kerana sifatnya yang tua dan terdedah terhadap ancaman (UNESCO, 2019). Pengkhususan penting, kerana setiap bandar warisan di Malaysia menyimpan seribu satu sejarah dan nilai estetika negara dan bangsa. Hal ini kerana, sejarah pembentukan negara Malaysia telah melalui pelbagai garis masa dan peristiwa sebelum mencapai kemerdekaan. Setiap reka bentuk binaan bangunan, dielek pertuturan, kareografi tarian, alunan lagu, kepelbagaian makanan dan keunikan tradisi menyimpan pelbagai sejarah dan identiti Malaysia.

Penilaian terhadap elemen budaya ini tidak ditekankan dalam MurniNet 2.0 yang digunakan untuk mengukur kelestarian bandar. Hal ini kerana, MurniNet 2.0 dibentuk untuk mengukur secara menyeluruh kelestarian bandar dan dinilai sebagai indeks bandar Malaysia. Oleh itu, penilaian yang dilakukan adalah bersifat setara dan menggambarkan keseluruhan keadaan bandar di Malaysia berdasarkan kepada teori awal kelestarian yang diperkenalkan oleh Brundland Report (1872) iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Namun apabila konsep pembangunan lestari diperkembangkan, elemen budaya mula dimasukkan dalam paradigma pembangunan lestari walaupun hanya sebagai sampingan dan tidak diterima sebagai universal (Rana & Piracha, 2007). Manakala sarjana seperti Appendino (2017) dan Wang & Gu (2020) dengan jelas meletakkan warisan budaya sebagai tiang utama dalam pengukuran kelestarian bandar bersama dengan ekonomi, sosial dan alam sekitar (Rajah 1). Jelas menunjukkan bahawa elemen warisan budaya sangat penting dan tidak boleh diabaikan dalam usaha menuju kearah bandar lestari kerana warisan budaya merupakan elemen yang telah bertapak di sesebuah bandar sejak berkurun lama dan telah mempengaruhi gaya hidup komuniti setempat (Wiktor-Mach, 2019). Oleh itu, elemen ini perlu diukur dan dinilai sebagaimana elemen-elemen lain dalam kawasan bandar. Namun begitu, dalam usaha pembangunan lestari dalam konteks bandar warisan memerlukan juga penglibatan dan peranan secara khusus daripada kerajaan dan komuniti. Hal ini kerana, pengekaln kepada warisan budaya juga bergantung kepada dasar dan tindakan kerajaan serta sikap dan penerimaan komuniti setempat. Peranan kerajaan dan komuniti sebagai konstruk yang terpisah daripada konstruk sosial dalam pembangunan lestari juga disebut oleh (Takano, 2003; Leus & Verhelst, 2018). Tuntasnya, pembentukan kerangka konstruk baharu akan menekankan kepada unsur ekonomi, sosial, alam sekitar, warisan budaya, peranan kerajaan dan komuniti yang terdapat di setiap bandar warisan seluruh negara.



Sumber: Appendino (2017)

Rajah 1. Teori kelestarian bandar warisan.

Bandar warisan lestari

Secara amnya tiada persetujuan yang dibuat berkaitan dengan konsep pembangunan lestari terutama “bandar lestari” dek kerana sifat pembangunan bandar yang kompleks dan sentiasa berubah-ubah, tetapi sekiranya pembangunan lestari dilihat sebagai suatu proses, maka usaha melestarikan boleh dicapai (Choon, et al., 2014; Patrick et al., 2006). Namun begitu, ramai sarjana meletakkan maksud kelestarian atau mapan ialah mengekalkan sesuatu serta memastikan kewujudan atau memanjangkan hayat. Lebih terperinci pembangunan lestari merupakan agenda untuk memenuhi keperluan masa kini tanpa berkompromi dengan keupayaan generasi pada masa akan datang (Dasar Perbandaran Negara Kedua, 2016). Konsep tradisional pembangunan lestari seperti yang diperkenalkan oleh Brundland Report (1987), terdapat tiga teras utama yang perlu dicapai iaitu kelestarian ekonomi, sosial dan alam sekitar. Tiga teras ini merupakan penanda aras yang diterima pakai oleh semua sarjana dalam penyelidikan yang berkaitan dengan kelestarian.

Berpaksikan kepada konsep tradisional tersebut, Runnalls (2007); Tweed & Sutherland (2007); Bandarin, Hosagrahar, & Albernaz (2011); Appendino (2017) dan Wiktor-Mach (2019) meletakkan warisan budaya sebagai teras keempat dalam pembangunan lestari khususnya untuk bandar warisan. Kepentingan terhadap warisan budaya diterjemahkan dalam pembangunan lestari adalah kerana ciri-ciri, keunikan dan nilai estetika yang tiada bandingan dengan bandar biasa. Penentuan ciri bandar warisan mengikut ciri-ciri global ianya haruslah melebihi usia 100 tahun dan ke atas tetapi dalam konteks Malaysia, tidak banyak bandar atau bangunan yang berusia lebih satu abad. Oleh itu, bandar warisan di Malaysia lebih menjurus kepada bandar yang muncul sebelum perang (pra-1945) yang mempunyai keunikan tersendiri dan menjadi identiti bandar seluruh Malaysia (Syed Zainol Abidin Idid, 1992). Keunikan warisan budaya terdiri daripada warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara dan warisan semula jadi (UNESCO, 2011). Warisan budaya ketara ialah warisan yang boleh dilihat dan dipegang seperti bangunan kolonial, rumah kedai, dan makam sejarah. Sebagai contoh Kota A’Famosa (Melaka), Kellie’s Castle (Perak) dan Makam Hang Tuah (Melaka). Seterusnya warisan tidak ketara ialah warisan yang tidak boleh disentuh dengan pancaindera seperti seni, adat resam, ilmu lisan, loghat, dan kepercayaan (Jabatan Warisan Negara, 2008), sebagai contoh ialah lagu Dondang Sayang yang popular dalam masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka, Dikir Puteri yang dimainkan oleh masyarakat Pantai Timur, Silat Gayong sebagai seni mempertahankan diri masyarakat Melayu dan sebagainya. Manakala warisan budaya semula jadi pula ialah warisan alam sekitar seperti gua batu kapur, air terjun, mergastua, dan hutan belantara yang terbentuk sejak berabad lama yang mempunyai nilai estetika tersendiri sebagai contoh, Gua Niah (Sarawak) yang merupakan kawasan petempatan awal manusia, Air Terjun Gunung Stong (Kelantan) sebagai air terjun tertinggi di Asia Tenggara, Burung Kenyalang sebagai simbolik negeri Sarawak, dan Hutan Royal Belum yang merupakan hutan dara tertua didunia (Mohd Nazri & Abdul Aziz, 2011).

Mana-mana bandar yang terkandung tiga jenis warisan ini atau salah satu daripadanya diklasifikasikan sebagai bandar warisan (Syed Zainol Abidin Idid, 1992). Di Malaysia, kebanyakan bandarnya mempunyai gabungan dua warisan iaitu jenis warisan budaya ketara dan tidak ketara. Manakala warisan semula jadi selalunya terasing kerana berada di kawasan yang agak pedalaman dan kurang menjadi tarikan untuk masyarakat menjalankan urusan ekonomi dan sosial secara besar-besaran. Bandar yang mempunyai bangunan kolonial dan rumah kedai yang dibina sebelum Perang Dunia Ke-2, etnik tertentu, serta dialek khusus perlu mendapatkan pengukuran kelestarian yang khusus. Gabungan antara ekonomi, sosial, alam sekitar, warisan budaya serta peranan kerajaan dan komuniti adalah konsep baharu yang perlu dipatuhi untuk mencapai tahap

pembangunan lestari bagi bandar warisan. Secara kesimpulannya, pendefinisan bandar warisan lestari adalah sebuah bandar yang mampu memberikan persekitaran harmoni, inklusif dan selamat kepada generasi pada masa sekarang dan akan datang tanpa meminggirkan elemen warisan budaya yang terdapat pada sesuatu bandar.

Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif iaitu dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Dokumen yang pertama digunakan ialah artikel untuk menganalisis kajian empirikal yang lepas. Artikel diperoleh daripada pengkalan data Scopus, Web of Science, Science Direct, Google Scholar, Dimensions.ai dan DOAJ. Pemilihan artikel adalah berdasarkan kepada kata kunci “pembangunan lestari”, “warisan budaya” dan “bandar warisan”. Seterusnya, dokumen yang kedua digunakan ialah buku-buku yang berkaitan dengan kajian bandar warisan yang ditulis oleh para sarjana terkemuka. Antara penerbit yang terlibat dalam penerbitan buku ilmiah ini ialah Universe Books, Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, E&FN Spon, Asia Development Bank, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Simon Fraser University. Buku-buku ini diperolehi dalam bentuk salinan keras dan juga E-book (salinan lembut). Sumber dokumen ketiga diperolehi daripada laman-laman web rasmi pihak kerajaan dan badan-badan berkaitan dengan warisan budaya. Laman web tersebut seperti laman web Habitat III (2016); European Green Capital Award (2017); Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2019); Kementerian Wilayah Persekutuan (2020); UNDP (2019); UNESCO (2017; 2019); dan United Nation (2019). Analisis ini juga melibatkan laporan daripada kerajaan dan badan-badan global yang menjurus kepada kajian kelestarian dan bandar warisan. Laporan tersebut ialah Brundland Report (1987); CHS (2004); Unit Perancang Ekonomi (2004; 2018); ESCAP (2007); London Sustainable Development Commission (2004); United Nations Human Settlements Programme (2009). Kesemua sumber ini dianalisis dengan mengeluarkan semua konstruk yang digunakan dalam pengukuran kelestarian dalam konteks bandar warisan di serata dunia.

Pembentukan Konstruk Kelestarian

Idea awal pembangunan lestari telah dimulakan melalui *Limit To Growth* (1972), *Brundtland Report* (1987), *Rio Summit* (1992), *Decade of Education for Sustainable Development* (2004-2014), dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) (Meadows, Meadows, Randers, & Behrens III, 1972; Brundtland, 1987; UNESCO, 2017). Manakala konstruk pembangunan lestari dalam konteks pembandaran telah mula digunakan dalam Gerakan Bandar Sihat (*The Healthy Cities Movement*), Agenda Tempatan 21 (*Local Agenda 21*), dan Agenda Baharu Bandar (*New Urban Agenda*) (Satterthwaite, 2016; Habitat III, 2016; Caprotti et al., 2017). Daripada idea ini MurniNet 2.0 dibentuk diaplikasikan. Namun terdapat kelompondan dalam pengukuran yang dilakukan oleh MurniNet 2.0 iaitu tidak melibatkan elemen warisan budaya sebagai konstruk utama.

Selain itu, konstruk utama seperti ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang digunakan dalam MurniNet 2.0 juga tidak menggambarkan konteks bandar warisan. Oleh itu, garapan yang baharu dilakukan mengikut kesesuaian di Malaysia menjadi sebuah kerangka petunjuk kelestarian bandar warisan. Kerangka petunjuk kelestarian bandar warisan di Malaysia melibatkan lima (5) konstruk

utama iaitu (1) kemakmuran ekonomi (ekonomi), (2) kesejahteraan sosial (sosial), (3) kesejahteraan alam sekitar (alam sekitar), (4) warisan budaya dan (5) Kerajaan dan komuniti.

Konstruk Pertama: Kemakmuran Ekonomi

Ekonomi merupakan aspek yang paling penting bagi sesebuah bandar dan negara. Taraf ekonomi di peringkat isi rumah atau individu menentukan sejauh mana kekuatan ekonomi sesebuah bandar dan negara. Maju atau mundur sesebuah bandar adalah dinilai berdasarkan pendapatan perkapita dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kebolehpayaan sesebuah bandar menyediakan penawaran (*supply*) terhadap permintaan (*demand*) adalah bergantung kepada tahap kemampuan ekonominya. Bandar yang mampan akan memenuhi semua kehendak pengguna (*supply/demand*) dimana keluk pengeluaran dan permintaan mencapai titik keseimbangan. Untuk menaikkan taraf ekonomi, kerajaan perlu memastikan setiap elemen yang berkaitan berada pada tahap yang paling mampan. Dalam perbincangan ini, ekonomi bandar warisan haruslah berkaitan dengan elemen bandar warisan (Unit Perancangan Ekonomi, 2018; Suarez-Eiroa et al., 2019).

Tiga kriteria dijadikan sebagai sub-konstruk dalam bahagian ini iaitu pertumbuhan ekonomi, aktiviti perniagaan atau pelaburan dan mobiliti manusia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2019; Louro, Costa, & Costa, 2019; Kementerian Wilayah Persekutuan, 2020). Ketiga-tiga sub-konstruk akan melihat kepada peluang pekerjaan yang berkaitan dengan warisan seperti menyediakan khidmat urutan tradisional, pameran berbayar, perniagaan barangan antik, pelancongan warisan dan sebagainya yang akan menyumbang pendapatan dan pergerakan masuk manusia serta modal ke sesebuah kawasan bandar warisan. Pemilihan sub-konstruk berdasarkan kepada keperluan setiap penduduk setempat untuk mendapatkan sumber pendapatan bagi menjalani kehidupan harian. Oleh itu, penilaian akan dilakukan untuk melihat sejauh mana tiga elemen ekonomi di bandar warisan tersebut wujud dan mampu memenuhi keperluan penduduk seterusnya menjadikan komuniti setempat sejahtera dan berdaya tahan (Satterthwaite, 2016).

Selain itu, bahagian ini juga melihat sejauh mana landskap warisan boleh berdaya tahan dan bersaing dengan persekitaran semasa yang semakin mencabar. Adakah bangunan sesebuah dan rumah kedai masih mampu menyumbang kepada aktiviti ekonomi setempat?. Rupa bentuk warisan dan teknologi yang lama di bandar warisan perlu dijaga untuk kepentingan generasi akan datang tetapi ianya juga perlu berdaya saing dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, untuk menilai keupayaan bandar warisan dalam melestarikan ekonomi, setiap sub-konstruk dibahagikan kepada beberapa item untuk memperincikan dengan lebih jelas. Item-item yang digunakan adalah hasil dari garapan dan ubah suai melalui petunjuk-petunjuk yang telah dibina dan digunakan di serata dunia.

Konstruk Kedua: Kesejahteraan Sosial

Pembangunan bandar yang mampan adalah bertujuan untuk membentuk masyarakat dan persekitaran sosial yang sejahtera. Konstruk ini merupakan intipati utama yang dibahasakan dalam Gerakan Bandar Sihat iaitu mewujudkan bandar yang sihat, selamat, inklusif dan berdaya huni kepada masyarakat. Kesejahteraan sosial mesti merujuk kepada penyediaan kemudahan asas, keselamatan dan ketenteraman awam serta perhubungan dan utiliti. Maka aspek-aspek ini perlu dijadikan sebagai sub-konstruk dalam konstruk kedua. Agenda Tempatan 21, menjelaskan bahawa kerajaan tempatan berperanan dalam memastikan setiap bandar mempunyai akses kepada semua aspek kesejahteraan sosial (Takano, 2003).

Kesemua sub-konstruk dalam bahagian amat penting terhadap persekitaran sosial setempat yang berlatar belakangkan warisan budaya. Bandar warisan yang lestari perlu mempunyai kemudahan asas yang mencukupi seperti perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan, pasar raya, kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan tempat riadah. Hal ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat setempat menjalani kehidupan harian. Seterusnya, bandar warisan lestari mestilah mempunyai tahap keselamatan dan ketenteraman awam yang tinggi. Kawasan yang rendah kes jenayah, gejala sosial, kadar kemalangan dan ancaman awam adalah mapan dan selamat. Oleh itu, aspek ini sangat penting untuk dinilai kerana ianya melibatkan nyawa dan keselamatan orang awam bukan sahaja penduduk setempat tetapi pelancong juga (Barton & Tsourou, 2000; Barton, Grant, Mitcham, & Tsourou, 2009; Barton & Grant, 2012). Kawasan bandar warisan yang mempunyai rekod bersih dari segi keselamatan dan ketenteraman awam akan menjadi pilihan orang ramai untuk tinggal dan melancong. Akhir sekali ialah mempunyai akses yang tinggi terhadap perhubungan dan utiliti. Perhubungan yang dimaksudkan ialah darjah ketersampaian, fizikal jalan raya dan jaringan pengakutan awam, manakala utiliti ialah kebolehpayaan terhadap sumber air, elektrik dan rangkaian internet (United Nation, 2019).

Usaha untuk mencapai kesejahteraan sosial di bandar warisan perlulah mendapatkan skor dan penilaian yang baik terhadap semua sub-konstruk tersebut. Setiap sub-konstruk adalah berkaitan antara satu sama lain. Walaupun usaha terhadap pengekalan bandar warisan lebih diambil serius akan tetapi penyediaan kemudahan sosial mengikut keperluan semasa juga perlu dilakukan demi memastikan komuniti setempat mendapat kemudahan seperti di tempat lain. Proses pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya tidak boleh dijadikan alasan pembangunan material dalam sosial setempat tidak dilakukan. Pengekalan warisan budaya tetapi tidak menafikan kehendak arus pembangunan sosial adalah kunci kemampunan bagi bandar warisan.

Konstruk Ketiga: Kualiti Alam Sekitar

Alam sekitar diletakkan sebagai konstruk ketiga dengan menjadikan kesihatan alam sekitar dan guna tanah sebagai sub konstruk. Sumbangan alam sekitar dalam penilaian kelestarian adalah sangat penting kerana alam merupakan habitat kepada semua kejadian. Oleh itu, memastikan alam sekitar di kawasan bandar warisan berada dalam keadaan sempurna adalah tanggungjawab semua pihak. Alam sekitar yang bermasalah akan memberi impak yang buruk terhadap perkembangan ekonomi, sosial setempat dan elemen warisan. Oleh hal yang demikian teori awal kelestarian meletakkan alam sekitar setara dengan ekonomi dan sosial. Untuk mendapatkan kawasan bandar warisan yang kondusif, manusia tidak boleh bersengketa dengan alam.

Penilaian terhadap kualiti alam sekitar perlu dilakukan menggunakan dua metod kajian. Pertama ialah pencerapan data yang berkaitan dengan kualiti air domestik dan air sungai, kuantiti hujan, nutrient tanah, suhu, bunyi, dan kandungan PM10 dalam udara (United Nation Sustainable Development, 1992). Ujian di makmal dilakukan untuk menilai secara saintifik semua unsur alam di kawasan tersebut. Ujian ini untuk memberikan gambaran yang jelas dan nyata kepada semua pihak. Pada masa yang sama, penilaian alam sekitar juga perlu dilakukan dengan mengambil kira pendapat dan pandangan penduduk setempat. Keperluan mendapatkan pandangan penduduk setempat adalah untuk melihat tahap adaptasi mereka dengan alam sekeliling (Barton & Grant, 2012). Hal ini kerana, adaptasi penduduk adalah sangat penting untuk menentukan sama ada alam sekeliling di kawasan mereka adalah selamat atau tidak. Sebagai contoh, bagi penduduk yang berada di kawasan cuaca ekstrim seperti kawasan sentiasa banjir adalah sudah menjadi kebiasaan bagi mereka apabila rumah ditenggelami air tetapi bagi orang luar adalah sesuatu yang luar biasa

dan menjadi igauan ngeri. Oleh itu, justifikasi terhadap mendapatkan pandangan penduduk setempat terhadap keadaan alam sekitar adalah bertepatan.

Pandangan penduduk berkaitan dengan alam sekitar akan di kumpulkan bersama-sama dengan konstruk lain dalam borang soal selidik. Perkara yang disentuh adalah berkaitan dengan kekerapan kejadian pencemaran udara, air, tanah, bau, bunyi, dan penyakit bawaan vektor (United Nation Sustainable Development, 1992). Selain itu, aspek tepu bina juga perlu dimasukkan dalam bahagian ini. Hal ini kerana, tepu bina bandar akan mempengaruhi aliran air hujan, peratusan litupan kawasan hijau, perubahan suhu, kualiti air, dan kesuburan tanah. Secara umumnya, apabila sesebuah bandar telah mencapai tepu bina maksimum maka tumbuhan hijau berkurangan dan permukaan tanah lebih banyak berturap. Situasi ini akan menyebabkan kejadian banjir kilat mudah berlaku jika sistem saluran tidak efisien, peningkatan suhu bandar, pencemaran air, dan penyebaran penyakit bawaan vektor lebih cepat. Oleh itu, sesebuah bandar warisan yang lestari hendaklah mempunyai keseimbangan antara kawasan hijau dan kawasan yang dibangunkan demi memastikan ekosistem alam sekitar tidak terganggu. Jika sesebuah bandar warisan mencatatkan pengukuran tidak seimbang antara kawasan hijau dan bukan hijau ianya akan dikategorikan sebagai bandar yang tidak lestari.

Konstruk Keempat: Warisan Budaya

Konstruk keempat ialah warisan budaya yang merupakan konstruk baharu dalam konteks pembentukan kerangka kelestarian bandar warisan di Malaysia. Menurut Rana & Piracha (2007), kekurangan konseptual yang jelas terhadap konstruk warisan budaya menyebabkan penglibatan konstruk ini kurang diterima dalam pembangunan lestari. Namun, konstruk ini telah di perkenalkan dan diperjelaskan secara khusus oleh Appendino (2017) yang mengatakan warisan budaya perlu berada setara dengan elemen lain dalam kelestarian jika ingin mengkaji di bandar warisan. Warisan budaya adalah sesuatu unsur yang sangat sensitif dan eksklusif kerana nilai estetikanya (Wiktor-Mach, 2019). Secara khasnya warisan budaya terbahagi kepada tiga iaitu warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara dan warisan budaya semula jadi (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Namun dalam konteks bandar warisan, budaya semula jadi seperti hutan belantara, air terjun, gua batu kapur dan sebagainya tidak terlibat. Hanya dua unsur warisan budaya yang terlibat iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara.

Oleh hal yang demikian, sub konstruk pertama dan kedua ialah berkaitan dengan warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Kajian kelestarian terhadap warisan budaya ketara ialah berkenaan dengan tahap kefungsiannya, kewujudan, pengekalan ciri seni bina, keaslian dan peranan tinggalan bangunan warisan terhadap ekonomi, sosial, alam sekitar dan komuniti. Manakala, kajian kelestarian terhadap warisan budaya tidak ketara untuk melihat sejauh mana budaya itu masih relevan dalam kalangan masyarakat setempat dan masyarakat luar. Adakah pantang larang, hiburan, makanan, perubatan, dan ritual warisan masih memenuhi kehendak dan citarasa masyarakat zaman sekarang (moden). Jika tahap kefungsiannya dan kerelevannya masih tinggi maka adalah dapat disimpulkan bahawa warisan budaya ketara dan tidak ketara adalah lestari (Al-Hagla, 2010).

Sub konstruk yang ketiga ialah berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Sub konstruk ini juga sangat penting dalam memastikan unsur budaya itu lestari atau tidak. Setiap bandar warisan perlu melakukan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan untuk memastikan warisan budaya tidak musnah dan pupus. Selain itu, penilaian juga perlu dibuat sejauhmana proses pemeliharaan dan pemuliharaan di bandar warisan mampu memberi impak yang positif terhadap

ekonomi, sosial, alam sekitar dan komuniti. Hubungan saling memberi antara satu sama lain adalah kunci utama dalam usaha kelestarian bandar warisan di Malaysia (Appendino, 2017).

Konstruk Kelima: Governan dan Komuniti

Konstruk komuniti dan komuniti ini sangat kurang diletakkan secara bersendirian. Kebanyakan negara seperti Thailand, dan Jepun meletakkan usaha kelestarian secara keseluruhan adalah telah merangkumi governan dan komuniti (ESCAP, 2007; Choon et al., 2014). Justeru, semua konstruk kelestarian adalah dirangkumi oleh kerajaan dan komuniti. Namun begitu, dalam penyelidikan ini konstruk kerajaan dan komuniti diletakkan sebagai salah satu tiang utama kelestarian. Hal ini kerana, untuk mengkaji dengan lebih jelas tentang peranan, tanggungjawab, tindakan dan kecaknaan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat terhadap kelangsungan persekitaran dan warisan budaya di sesebuah bandar. Menurut Takano (2003), dalam pembangunan bandar warisan lestari peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan seperti mengubal dasar, merangka program dan menyuntik dana berkaitan warisan budaya serta peranan komuniti dalam menerima dan melaksanakan dasar kerajaan adalah sangat penting. Tanpa peranan kerajaan dan komuniti elemen warisan budaya tidak dapat bertahan. Secara terperinci dapat dibahagikan kepada pengurusan persekitaran, pengurusan risiko, pengurusan warisan dan penglibatan komuniti (Satterthwaite, 2016).

Sub konstruk pengurusan persekitaran akan mengkaji berkaitan dengan peranan kerajaan tempatan dalam menjalankan aktiviti penjagaan alam sekitar seperti amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*), kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar, pelaksanaan polisi dan pematuhan undang-undang berkaitan dengan alam sekitar di kawasan bandar warisan (United Nation Sustainable Development, 1992). Pengurusan persekitaran yang baik dan cekap akan menjadikan sesebuah warisan lestari dan berdaya tahan. Hal ini kerana, usaha pengurusan persekitaran yang baik akan mempengaruhi tahap kelestarian alam sekitar di konstruk yang ketiga. Pengurusan persekitaran di bandar warisan perlu dilakukan lebih terperinci daripada bandar-bandar lain demi mengelakkan kejadian cuaca ekstrim seperti banjir kilat, peningkatan suhu secara mendadak dan sebagainya yang akan menjejaskan struktur bangunan. Bangunan yang telah berusia puluhan tahun bahkan ratusan tahun lebih sensitif terhadap gangguan cuaca (Wang & Gu, 2020).

Bagi memastikan fenomena cuaca ekstrim tidak mengganggu khazanah bandar warisan disamping pengurusan persekitaran yang baik, pengurusan risiko juga perlu di ambil perhatian. Oleh itu, sub konstruk kedua ialah pengurusan risiko. Pengurusan risiko ini lebih tertumpu kepada aspek keselamatan sama ada bangunan warisan dan orang awam. Telah sedia maklum bahawa bangunan-bangunan warisan telah dibina sejak ratusan tahun, oleh itu isu keselamatan sangat penting. Pihak berwajib perlu memastikan bangunan warisan selamat untuk digunakan oleh orang awam (Unit Perancang Ekonomi, 2004). Pemeriksaan yang berkala perlu dilakukan untuk memastikan tiada kesan keretakan dicatatkan, kecondongan dinding, dan hakisan berlaku. Walaupun bangunan warisan dipelihara keasliannya dan dilarang untuk melakukan pengubahan tetapi ianya perlu dilengkapi dengan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api, sistem *wiring* yang selamat, penggera kebakaran, pelan kebakaran dan sebagainya. Pihak berkuasa perlu memastikan setiap premis mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan.

Sub konstruk ketiga ialah berkaitan dengan pengurusan warisan dan perlancongan. Aspek ini sangat sinonim dengan bandar warisan. Bandar warisan lebih dikenali kerana aktiviti perlancongan seperti di Bandaraya Melaka. Orang ramai sama ada dari dalam negara atau luar negara datang ke sesebuah bandar warisan untuk melihat tinggalan sejarah lampau sesebuah

budaya. Oleh itu, pengurusan warisan dan pelancongan di bandar warisan sangat penting. Pengurusan hendaklah cekap untuk memastikan aktiviti pelancongan dapat berjalan dengan lancar tetapi tidak menjejaskan nilai estetika sesuatu warisan budaya (Ahmad, 1997; Asmelash & Kumar, 2018).


Sub konstruk terakhir dalam bahagian ini ialah penglibatan komuniti dalam memastikan survival warisan budaya mampu bertahan. Penglibatan komuniti sangat penting kerana mereka lebih mengetahui dengan lebih mendalam terhadap sesuatu perkara dan terlibat secara langsung di sesuatu kawasan (O'Neill & Simard, 2006; Leus & Verhelst, 2018). Penglibatan komuniti perlu dilihat dari segi kesediaan generasi baharu menerima warisan budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang. Kesediaan generasi baharu ini boleh diuji dengan tahap penyertaan terhadap aktiviti berasaskan warisan budaya seperti silat, tarian, nyayian dan gaya hidup. Selain itu, peranan ahli persatuan kebudayaan di setiap bandar warisan juga perlu dinilai sejauhmana memberi sumbangan kepada nilai survival warisan budaya. Gandingan antara peranan individu, persatuan dan komuniti keseluruhannya akan menjadikan warisan budaya tidak lapuk ditelan zaman.

Kerangka Konstruk Kelestarian Bandar Warisan: Satu Perbincangan

Secara umumnya, pembentukan kerangka konstruk kelestarian bandar warisan dapat disimpulkan seperti Rajah 2. Lima konstruk utama yang dibincangkan di atas (kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan alam sekitar, warisan budaya, kerajaan dan komuniti) adalah tonggak utama kepada pembentukan kerangka konstruk kelestarian bandar warisan di Malaysia berdasarkan situasi dan geografi di bandar warisan Malaysia. Walaupun dalam MurniNet 2.0 telah menggunakan konstruk ekonomi, sosial dan alam sekitar sebagai pemboleh ubah utama namun secara dasarnya tidak menggambarkan elemen warisan budaya. Tiga konstruk ini perlu dibentuk berdasarkan latar belakang dan persekitaran bandar warisan itu sendiri (Guzman, Pereira Roders, & Colenbrander, 2017). Sub konstruk yang digunakan adalah sedikit berbeza dengan MurniNet 2.0 kerana implementasi adalah berdasarkan kepada konteks warisan budaya. Sebagai contoh, sektor ekonomi yang diukur adalah sektor ekonomi yang berkaitan dengan warisan seperti perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) kain batik, pembuatan kraftangan, urusan pelancongan dan sebagainya. Begitu juga dengan konstruk sosial hendaklah berdasarkan kepada latar belakang bandar warisan. Sejauh mana kemudahan infrastruktur seperti kaki lima rumah kedai warisan dapat digunakan dengan selamat sebagai kawasan pejalan kaki. Konstruk alam sekitar pula diukur untuk memastikan persekitaran kawasan bandar berada dalam keadaan selesa dan selamat untuk elemen warisan budaya berdaya tahan. Sebagai contoh bebas daripada banjir kilat yang akan merosakkan struktur dinding bangunan kolonial. Kesemua ini tidak disentuh dengan terperinci dalam MurniNet 2.0.

Selain itu, tujuan kajian ini juga untuk memperkenalkan dua konstruk baharu yang diletakkan sebagai konstruk utama setara dengan kesejahteraan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan kesejahteraan alam sekitar iaitu warisan budaya, kerajaan dan komuniti. Dua konstruk baharu ini merupakan elemen sampingan sahaja dalam MurniNet 2.0. Menurut Rana & Piracha, (2007) dan Appendino, (2017) kebanyakan instrumen pengukuran kelestarian yang dibentuk tidak meletakkan elemen warisan budaya, kerajaan dan komuniti sebagai asas utama kerana kekurangan pencerahan konseptual. Ramai pihak beranggapan bahawa elemen tersebut tidak penting untuk diambil kira sehinggalah satu kesedaran baharu timbul akibat daripada kegagalan dalam proses pembangunan lestari sejak akhir-akhir ini (Wiktor-Mach, 2019).

Seterusnya, keperluan menjadikan elemen kerajaan dan komuniti sebagai satu konstruk baharu adalah berdasarkan kepada saranan Gerakan Bandar Sihat yang menyatakan bahawa peranan pihak kerajaan dan komuniti dalam menjadikan bandar sihat, sejahtera dan mampan adalah perlu dominan. Selain itu, Tan et al. (2018) mengatakan fokus utama yang perlu diukur dalam konstruk kerajaan dan warisan adalah tentang peranan dan penglibatan. Hal ini kerana, kerajaan dan komuniti merupakan kelompok yang bertanggungjawab dalam memastikan warisan budaya di sesuatu kawasan itu terus lestari. Kerajaan perlu mengubal polisi yang pro kepada kelestarian warisan agar ianya terus terjaga dan terpelihara. Manakala pihak komuniti pula perlu memastikan survival warisan budaya berterusasn dengan memberikan sumbangan dari segi penyertaan, pengamalan dan pemahaman terhadap warisan budaya. Jika kerajaan dan komuniti tidak melakukan peranan yang sepatutnya dalam warisan budaya akan mengakibatkan kemusnahan dan kepupusan sumber warisan budaya. Oleh hal yang demikian terma kerajaan dan komuniti digabungkan untuk berdiri pada satu konstruk yang sama.



Rajah 2. Kerangka konstruk kelestarian bandar warisan di Malaysia

Secara ringkasnya, pembinaan bandar warisan lestari mestilah bermula dengan “tapak” usaha pembangunan lestari dan “tiang”nya adalah elemen kelestarian. Kelima-lima konstruk ini berdiri menjadi “tiang” asas yang dominan di kawasan bandar warisan. Penilaian perlu dibuat terhadap lima konstruk utama ini untuk melihat sejauh mana tahap inklusif, selamat, berdaya tahan

dan lestari sesebuah bandar warisan tersebut. Dengan itu, pengkelasan bandar warisan lestari dapat dilakukan dan dipaparkan kepada umum sebagai panduan kepada semua pihak.

Bandar warisan lestari perlu mencapai lima konstruk ini secara bersama tanpa meminggirkan mana-mana konstruk. Setiap konstruk mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain. Keteguhan lima tonggak ini akan membentuk bumbung kelestarian yang diperlukan oleh setiap bandar warisan. Setelah itu, rumah kelestarian yang utuh terbentuk akan memberikan manfaat yang besar kepada kesejahteraan penduduk dan pembangunan negara. Bandar warisan lestari berupaya untuk menjadikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, akses kepada kemudahan sosial, alam sekitar yang selamat dan bersih, komuniti yang bertanggungjawab dan kelangsungan warisan budaya.

Oleh itu, set petunjuk kelestarian bandar warisan boleh dibangunkan berpaksikan kepada gabungan konstruk dalam kerangka ini yang memberikan gambaran terhadap persekitaran geografi di Malaysia. Ini merupakan kerangka konstruk yang lengkap untuk mengkaji berkaitan dengan kelestarian bandar warisan. Bagi membangunkan set petunjuk kelestarian bandar warisan yang menunjukkan status kelestarian, saling perkaitan semua petunjuk ekonomi, sosial, alam sekitar, komuniti dan warisan budaya pada peringkat makro amat diperlukan. Matlumut yang diperlukan di peringkat akar umbi ialah sebagaimana yang telah dibincangkan.

Kesimpulan

Kesimpulanya, lima konstruk utama perlu digunakan dalam usaha mengukur tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia. Pembentukan kerangka konstruk ini merupakan kerangka yang lengkap yang memayungi semua elemen yang terdapat pada bandar warisan iaitu kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan alam sekitar, warisan budaya serta kerajaan dan komuniti. Namun begitu, kerangka konstruk ini dibentuk hanyalah berdasarkan kepada konteks Malaysia sahaja. Hal ini kerana, pemboleh ubah untuk pengukuran kelestarian adalah berbeza-beza mengikut keadaan persekitaran, gaya hidup, dan geografi sesuatu kawasan dan negara. Pengamalan budaya juga adalah tidak sama antara negara. Oleh itu, kerangka konstruk yang mencerminkan identiti negara perlu dibentuk untuk memastikan semua elemen yang berkaitan dengan masyarakat dapat dikenalpasti. Pembentukan kerangka konstruk ini akan menentukan apakah pemboleh ubah sebenar yang sesuai digunakan untuk pengukuran tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia. Hal ini kerana, Malaysia masih kekurangan maklumat dan petunjuk yang sesuai untuk mengukur pembangunan lestari terutama dalam konteks bandar warisan. Dengan adanya kerangka ini, pembinaan instrumen pengukuran kelestarian dapat dilakukan oleh penyelidik pada masa hadapan selain menjadi rujukan kepada pihak yang berkepentingan. Usaha pembentukan kerangka konstruk kelestarian untuk dijadikan sebagai satu set pengukuran yang merangkumi semua elemen perlu dipergiatkan untuk proses pembinaan bandar warisan yang selamat, berdaya huni dan inklusif kepada semua masyarakat.

Rujukan

- ADB. (2001). *Urban indicators for managing cities : city data book*. Manila: Asia Development Bank.
- Ahmad, A. G. (1997). *Pemuliharaan bandar warisan untuk pembangunan pelancongan: kajian kes Melaka dan Kota Bharu*. Laporan Penyelidikan IRPA Jangka Pendek, Universiti Sains

Malaysia, Pulau Pinang.

- Akta Warisan Kebangsaan. (2005). *Undang-undang Malaysia*. Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang.
- Al-Hagla, K. S. (2010). Sustainable urban development in historical areas using the tourist trail approach: A case study of the Cultural Heritage and Urban Development (CHUD) project in Saida, Lebanon. *Cities*, 27(4), 234–248.
- Appendino, F. (2017). Balancing Heritage Conservation and Sustainable Development—The Case of Bordeaux. *World Multidisciplinary Civil Engineering-Architecture-Urban Planning Symposium-WMCAUS 2017, Jun 2017*. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/245/6/062002>
- Asmelash, A. G., & Kumar, S. (2018). Assessing progress of tourism sustainability: developing and validating sustainability indicators. *Tourism Management*, 71, 67–83. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2018.09.020>
- Bandarin, F., Hosagrahar, J., & Albernaz, F. (2011). Why development needs culture. In A. Pereira Roders & R. Van Oers (Eds.), *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* (pp. 15–25).
- Barton, H., & Grant, M. (2012). Urban planning for healthy cities a review of the progress of the European healthy cities programme. *Journal of Urban Health*, 90(1). <https://doi.org/10.1007/s11524-011-9649-3>
- Barton, H., Grant, M., Mitcham, C., & Tsourou, C. (2009). Healthy urban planning in European cities. *Health Promotion International*, 24(1). <https://doi.org/10.1093/heapro/dap059>
- Barton, H., & Tsourou, C. (2000). *Healthy urban planning—A WHO guide to planning for people*. London: E&FN Spon.
- Brundtland, G. H. (1987). *Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future*. Retrieved from <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/5987our-common-future.pdf>
- Caprotti, F., Cowley, R., Datta, A., Broto, V. C., Gao, E., Georgeson, L., & Joss, S. (2017). The new urban agenda: key opportunities and challenges for policy and practice. *Urban Research & Practice*, 10(3), 367–378.
- Chamhuri, S., Rospidah, G., & Sharina, A. H. (Eds.). (2014). *Pembangunan lestari di Malaysia: harapan dan kenyataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Choon, S. W., Chamhuri, S., Joy, J. P., Abdul Aziz, J., & Halimaton Saadiah. (2014). Kearah pembangunan indeks bandar lestari Malaysia. In S. Chamhuri, G. Rospidah, & A. H. Sharina (Eds.), *Pembangunan lestari di Malaysia: harapan dan kenyataan* (pp. 399–424). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- CHS. (2004). *Urban indicators guidelines: monitoring the Habitat Agenda and the Millennium Development Goals*. Nairobi: United Nations Centre for Human Settlements.
- Dasar Perbandaran Negara Kedua. *Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia*. (2016).
- ESCAP. (2007). *Some sustainable development indicators sets and indices*. Bangkok: United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pasific.
- European Green Capital Award. (2017). Will your city be the European Green Capital in 2017? Retrieved from http://ec.europa.eu/environment/europeangreencapital/wp-content/uploads/2013/02/Willyour-city-2017_Web-Copy-F01.pdf
- Guzman, P. C., Pereira Roders, A. R., & Colenbrander, B. J. F. (2017). Measuring links between cultural heritage management and sustainable urban development: An overview of global monitoring tools. *Cities*, 60, 192–201. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1016/j.cities>

2016.09.005

- Habitat III. (2016). New urban agenda. Retrieved from <http://habitat3.org/the-new-urban-agenda/>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2019). Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MurniNet 2.0). Retrieved from <http://murninet.townplan.gov.my/murninetsv2/>
- Jabatan Warisan Negara. (2008). *Keris sebagai elemen warisan tidak ketara*. Putrajaya: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
- Jacqueline, M. K., & Danielle, L. P. (2017). The urban sustainable development goal: indicators, complexity and the politics of measuring cities. *Cities*, 63, 92–97.
- Kementerian Wilayah Persekutuan. (2020). Malaysian Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MurniNet2.0). Retrieved from <http://murninetsv2.townplan.gov.my/>
- Leus, M., & Verhelst, W. (2018). Sustainability assessment of urban heritage sites. *Buildings*, 8(107). <https://doi.org/doi:10.3390/buildings8080107>
- London Sustainable Development Commission. (2004). *2004 report on London's quality of life indicators*. London: Greater London Authority City Hall.
- Louro, A., Costa, N. M., & Costa, E. M. (2019). Sustainable urban mobility policies as a path to healthy cities-The case study of LMA, Portugal. *Sustainable*, 11(10). <https://doi.org/https://doi.org/10.3390/su11102929>
- Meadows, D. H., Meadows, D. L., Randers, J., & Behrens III, W. W. (1972). *The Limit to growth*. New York: Universe Books.
- Mohd Nazri, A., & Abdul Aziz, H. (2011). Program pemuliharaan Taiping Bandar Warisan oleh Majlis Perbandaran Taiping. In H. Abdul Aziz (Ed.), *Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Malaysia* (pp. 70–118). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- O'neill, M., & Simard, P. (2006). Choosing indicators to evaluate healthy cities projects: a political task? *Health Promotion International*, 21(2).
- Patrick, T. H. C., Joy, J. P., Shaharudin, I., & Abdul Samad, H. (2006). Tracking sustainability: bandar lestari. *Environment Award*. Bangi: Lestari UKM.
- Peterson, J. P., Sham Sani, & Nordin., M. (1999). *Indicators of sustainable development in industrializing countries Vol 3. Key Indicators for tropical cities*. Bangi: Lestari UKM.
- Runnalls, C. (2007). *Choreographing community sustainability: The importance of cultural planning to community viability*. Canada: Centre of Expertise on Culture and Communities, Simon Fraser University.
- Satterthwaite, D. (2016). A new urban agenda? *Environment and Urbanization*, 28(1), 3–12.
- Suarez-Eiroa, B., Fernandez, E., Mendez-Martinez, G., & Soto-Onate, D. (2019). Operational principle of circular economy for sustainable development: linking theory and practice. *Journal of Cleaner Production*, 214, 952–961.
- Syed Zainol Abidin Idid. (1992). *Pemuliharaan warisan rupa bandar*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Takano, T. (Ed.). (2003). *Healthy Cities and Urban Policy Research*. London and New York: Spon Press.
- Tweed, C., & Sutherland, M. (2007). Built cultural heritage and sustainable urban development. *Landscape and Urban Planning*, 83(1), 62–69.
- UNDP. (2019). Sustainable development gold. Retrieved from <https://www.my.undp.org/content/malaysia/en/home/sustainable-development-goals/goal-11-sustainable-cities-and-communities.html>

- UNESCO. (2017). Sustainable Development Goal. Retrieved from UNESCO website: <http://www.un.org/sustainabledevelopment>
- UNESCO. (2019). World Heritage Convention. Retrieved from UNESCO website: <https://whc.unesco.org/en/about/>
- Unit Perancang Ekonomi. (2004). *Malaysian Quality of Life*. Kuala Lumpur.
- Unit Perancangan Ekonomi. (2018). Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020. *Forum KSP RMKe-11 & Pasca Bajet 2019 – Suatu Analisis*.
- United Nation. (2019). Sustainable Development Goals (SDGs). Retrieved from United Nation website: <https://www.un.org/sustainabledevelopment/>
- United Nation Sustainable Development. (1992). *Agenda 21*. Rio De Jenerio, Brazil.
- United Nations Human Settlements Programme. (2009). *Planning Sustainable Cities—Global Report on Human Settlements 2009*. London, UK: Eearthscan.
- Wang, S., & Gu, K. (2020). Pingyao: The historic urban landscape and planning for heritage-led urban changes. *Cities*, 97. <https://doi.org/10.1016/j.cities.2019.102489>
- Wiktor-Mach, D. (2019). Cultural heritage and development: UNESCO's new paradigm in a changing geopolitical context. *Third World Quarterly*, 1593–1612. <https://doi.org/https://doi.org/10.1080/01436597.2019.1604131>